



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

KES TULAR PENDERAAN KANAK-KANAK BERUSIA 4 TAHUN DI SOSIAL MEDIA

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memandang serius berkenaan satu hantaran di laman Instagram pada 24 Oktober 2024 berkenaan satu kes penderaan kanak-kanak berusia 4 tahun yang disyaki telah didera oleh ibu dan bapanya.

JKM Selangor telah turun melakukan siasatan pada 25 Oktober 2024 dan kanak-kanak telah dibawa ke Hospital Selayang untuk pemeriksaan lanjut. Polis Diraja Malaysia juga (PDRM) sedang menjalankan siasatan berkenaan kes ini. Selesai pemeriksaan oleh pihak hospital, JKJ akan memberi perlindungan kepada kanak-kanak ini berdasarkan Seksyen 25 (2)(b), Akta Kanak-kanak 2001.

KPWKM serius mengambil tindakan segera bagi kes-kes yang berlaku dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana kesalahan yang melibatkan hak dan kebajikan kanak-kanak. Kementerian juga akan terus komited meningkatkan kesedaran melalui kerjasama pelbagai pihak dalam usaha melindungi kanak-kanak sebagai tanggungjawab bersama serta memastikan tindakan tegas di ambil kepada pesalah yang terlibat dengan penderaan dan salah laku kepada kanak-kanak.

KPWKM juga ingin menasihatkan orang ramai yang mengetahui tentang kes penderaan supaya menghubungi pihak Polis atau Talian Kasih KPWKM di talian bebas tol 15999 atau pesanan WhatsApp di nombor 019-2615999. Orang ramai juga boleh terus ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang terdekat bagi mendapatkan bantuan segera.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
26 OKTOBER 2024**